

JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



Risalah

Maulid Ar-Rasul ﷺ

مَجْلِسٌ مُمَبَّوْتٌ مَوْلَى الرَّسُولِ
Majlis Sambutan
**MAULIDUR
RASUL**

PERINGKAT NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

1448H | 2026



MADANI DIHAYATI,
UMMAH DIBERKATI





Risalah

Maulid Ar-Rasul

صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ



JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



صَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ



يَا كَرِيمَ الْوَالِدَيْنِ
مَنْ رَأَى وَجْهَكَ يَسْعَدُ
وَرَدُّنَا يَوْمَ النُّشُورِ
حَوْضُكَ الصَّافِي الْمُبَرَّدُ
بِالسُّرَى إِلَّا إِلَيْكَ
مَا رَأَيْنَا الْعِيسَ حَنَّتْ
وَالْمَلَأَ صَلُّوا عَلَيْكَ
وَالْغَمَامَةُ قَدْ أَظَلَّتْ
مُسْتَجِيبُ الدَّعَوَاتِ
عَالَمُ السِّرِّ وَأَخْفَى
بِجَمِيعِ الصَّالِحَاتِ
رَبِّ إِرْحَمْنَا جَمِيعًا
عَدَ تَحْرِيرِ السُّطُورِ
وَصَلَاةُ اللَّهِ عَلَى أَحْمَدَ
صَاحِبِ الْوَجْهِ الْمُنِيرِ
أَحْمَدُ الْهَادِي مُحَمَّدَ

يَا نَبِيَّ سَلَامٍ عَلَيْكَ
يَا رَسُولَ سَلَامٍ عَلَيْكَ
يَا حَبِيبُ سَلَامٍ عَلَيْكَ
صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْكَ
أَشْرَقَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا
فَاخْتَفَتْ مِنْهُ الْبُدُورُ
مِثْلَ حُسْنِكَ مَا رَأَيْنَا
قَطُّ يَا وَجْهَ السُّرُورِ
أَنْتَ شَمْسٌ أَنْتَ بَدْرٌ
أَنْتَ نُورٌ فَوْقَ نُورٍ
أَنْتَ مِصْبَاحُ الصُّدُورِ
يَا حَبِيبِي يَا مُحَمَّدَ
يَا عَرُوسَ الْخَافِقِينَ
يَا مُؤَيَّدُ يَا مُجَدِّدَ
يَا إِمَامَ الْقِبْلَتَيْنِ

AL-MADA'IH AL-NABAWIYYAH DAN SYAIR

Disediakan oleh: Bahagian Tariqat dan Tasauwuf JMKNNs

Bolehlah dikatakan *al-Mada'ih al-Nabawiyyah* telah muncul seawal zaman kebangkitan Nabi ﷺ, di mana pada masa itu syair merupakan senjata penulisan yang digunakan oleh orang Arab sama ada untuk mencela atau memuji. Para penyair jahiliyyah ada yang menghina Baginda ﷺ, manakala pemuji Baginda akan membalas semula cacian mereka itu. Antara penyair yang memuji-muji Nabi ﷺ dan Baginda telah taqrir perbuatannya ialah Hassan bin Thabit seperti mana diriwayatkan al-Bara' bin 'Azib r.a, bahawa Nabi ﷺ berkata kepada Hassan:

أَهْجُهُمْ - أَوْ قَالَ هَاجَهُمْ - وَجَبْرِيلَ مَعَكَ

Yang bermaksud, *Perangilah mereka, Jibril bersama kamu (wahai Hassan).*ⁱ

Bagi umat Islam, memuji Nabi ﷺ adalah sebagai satu tanda kecintaan mereka kepada Baginda. Perasaan kecintaan ini termasuk satu daripada usul Iman. Firman Allah SWT,

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِينُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٤٥﴾

Yang bermaksud, *Katalah (wahai Muhammad): “Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul-Nya dan (daripada) berjihad untuk ugama- Nya, maka tunggulah sehinggga Allah mendatangkan keputusan-Nya (azab seksa-Nya) kerana Allah tidak akan memberi pertunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka).”*ⁱⁱ

Sabda Rasulullah ﷺ,

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ

Yang bermaksud, *Dan demi nyawaku dalam kekuasaan-Nya, tidak sempurna iman seseorang itu sehinggalah dia kasih kepadaku melebihi kasihnya kepada ibubapa dan anaknya.*

Sabda Baginda lagi,

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَلَدِهِ وَوَالِدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Yang bermaksud, *Tidak sempurna iman seseorang itu sehinggalah dia kasih kepadaku melebihi kasihnya kepada anak dan ibubapanya serta seluruh manusia.*

Kecintaan kepada Nabi ﷺ merupakan mazhar kecintaan kepada Allah SWT. Antara yang mencintai Rasul-Nya adalah para malaikat. Rasulullah ﷺ merupakan kekasih Allah SWT, dialah pembawa segala kebaikan kepada kita, menanggung kesusahan untuk menyelamatkan kita, pembawa kita ke syurga. Allah telah menyifatkan Baginda pada beberapa ayat al-Quran dengan menyatakan sifat-sifat yang menunjukkan kemuliaannya seperti firmanNya,

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٢١﴾

Yang bermaksud, *Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia.* ⁱⁱⁱ

Dimaklumi oleh para ulamak, bahawa *al-Mada'ih al-Nabawiyyah* merupakan **syair yang dinisbahkan kepada Nabi ﷺ** dengan menyebut pelbagai sifat Baginda sama ada *khuluqiyyah* (خُلُقِيَّةٌ) atau *khalqiyyah* (خَلْقِيَّةٌ), menzahirkan syouq melihatnya, ketika menziarahi maqamnya atau tempat-tempat mulia yang ada kaitan dengan Baginda ﷺ dengan menyebut mukjizatnya secara fizikal mahupun mukjizat yang bersifat maknawi, disusun sirahnya dalam bentuk syair atau sanjungan. Begitu juga peperangan dan sifat tauladannya, termasuk selawat mengagungkannya, rasa yang benar, jauh untuk mencari pengaruh atau sebagai sumber rezeki, mengharap dengannya dapat mendekatkan diri kepada Allah sekalipun yang disifatkan oleh pemberi sifatnya sebenarnya tidak mampu menceritakan dengan hal sebenar Baginda ﷺ.

Berkata al-Syeikh al-Bajuriy r.h pada muqaddimah syarah bagi “*al-Burdah*”: Sesungguhnya kesempurnaan Nabi ﷺ tidak terhitung dan *syama'il*nya tidak mampu diceritakan. Orang yang memuji empunya diri yang agung dan menyifatkan kesempurnaan yang jali (nyata), sebenarnya mereka terbatas untuk itu. Sekalipun ianya telah disampaikan oleh orang yang terdahulu dan yang terkemudian tentang hitungan manaqibnya, namun tetap tidak mampu untuk mendhobitkan kecintaan mereka kepada penghulunya yang dikurniakan Allah sehingga ada yang mengatakan:

أرى كل مدح في النبي مقصراً
ولو صيغ في كل عقد مجوهر
وهل يقدر المداح قدر محمد
وإن بالغ المثني عليه وأكثر
إذا الله أتى بالذي هو أهله
علي من يراه للمحامد مظهراً
وخصصه في رفعه الذكر مثنياً
عليه فما مقدار ما تمدح الورى

Yang bermaksud:

Ku lihat tiap pujian terhadap Nabi masih terbatas, walau ia dihiasi dengan untaian permata yang paling indah.

Mana mampu memuji menggambarkan kedudukan tinggi Muhammad, meskipun berlebihan dan banyak mereka memuji Baginda

Andai Allah memuji Baginda dengan pujian selayak bagi Baginda, siapa lagi yang mampu menampilkan pujian sesempurna itu

Dia juga mengangkat nama Baginda dengan memuliakannya, maka apakah ertinya pujian yang diberikan seluruh manusia?

Baginda turut dipuji oleh orang jahiliyyah. Ummu Ma'bud memuji Baginda dan menyifatkan Baginda dengan sifat mulia di hadapan suaminya seraya berkata:

مر بنا رجل ظاهر الوضأة، مليح الوجه، في أشفاره زطف،
وفي عينيه دعج، وفي صوته صحل، غصن بين غصتين، لا
تشنؤة من طول، ولا تقتحمه من قصر، لم تعلوه ثجلة ولم تزر
به صلعة، كأن عنقه إبريق فضة، إذا نطق فعليه البهاء، وإذا
صمت فعليه الوقار، كلامه كخرز النظم، أزين أصحابه منظرًا،
وأحسنهم وجهًا، محشود غير منفذ، له اصحاب يحفون به، إذا
امر تبادروا أمره، وإذا نهى انتهوا عند ناهيه قال: هذه صفة
صاحب قریش، ولو رأيته لاتبعته، ولأجهدن أن أفعل.

Yang bermaksud, Telah berjalan di hadapan kita seorang lelaki yang nyata seri wajahnya, tampan rupanya, lentik bulu matanya, kehitaman matanya yang menawan, dan suaranya serak dan merdu. Dia bagaikan dahan di antara dua dahan (bentuk tubuhnya yang seimbang), tidak terlalu tinggi hingga dibenci, dan tidak terlalu pendek hingga dicaci. Perut tidak buncit dan kepalanya tidak pula botak. Lehernya seakan-akan kendi perak.

Bila berbicara, terpancar padanya keindahan, diamnya tampak padanya kewibawaan. Kata-katanya bagaikan

butiran mutiara yang tersusun indah. Dia adalah yang paling elok penampilan di antara para sahabatnya serta paling tampan wajahnya. Orang ramai berkumpul di sekelilingnya tanpa berasa jemu. Dia mempunyai sahabat-sahabat yang mengelilinginya, apabila dia memerintah, segera mereka melaksanakannya, bila dia menegah, segera mereka berhenti atas larangannya.

Lalu beliau berkata lagi: Inilah sifat pemimpin Quraisy. Jika aku melihatnya, pasti aku akan mengikutinya dan sungguh aku akan berusaha sekuat tenaga untuk melaksanakannya.

Begitu juga ada sebahagian penyair kufar memujinya seperti al-A'sya memuji Baginda dengan kata-katanya:

نبي يرى ما لاترون وذكره
أغار لعمرى في البلاد وأنجدا
له صدقات ما تغب ونائل
وليس عطاء اليوم مانعه غدا

Seorang Nabi yang melihat apa yang kamu tidak lihat,
Demi umurku, ingat dan kemuliaannya telah
menakluki pelusuk negeri dan tanah tinggi
Suka bersedekah yang tidak pernah terputus
dan pemberiannya yang tidak terhalang pada hari
ini atau esok.

Sebahagian pengkaji berkata: Sesungguhnya syair *al-Mada'ih al-Nabawiyyah* adalah seni baru yang muncul pada kurun ke-7 hijrah melalui al-Busiriy dan Ibn Daqiq al-'Id. Hakikat sebenarnya, *al-Mada'ih al-Nabawiyyah* telah muncul semasa hidup Nabi ﷺ melalui karangan Hassan bin Thabit, Ka'ab bin Malik, Ka'ab bin Zahir dan Abdullah bin Rawahah serta Baginda mengtaqrirkannya. Ini dibuktikan apabila Ka'ab bin Zahir bin Abi Salmi bernasyid tentang Rasulullah di masjid dengan qasidahnya yang masyhur, terkandung di dalamnya pujian kepada Nabi ﷺ:

بانت سعاد قلبي اليوم متبول
منهم إثرها لم يفد مكبول

Telah nyata kebahagiaan, maka hatiku girang hari ini
Antara mereka tidak merasainya pertalian itu

Beliau menyebut lagi,

أنبتت ان رسول الله أوعدنى
والعفو عند رسول الله مأمول
مهلاً هداك الذى اعطاك نافلة الـ
قرآن فيها مواعيز وتفصيل
لا تأخذنى بأقوال الوشاة ولم
أذنب ولو كثرت عنى الأقاويل

Aku diberitahu, Rasulullah mengecamku

Oleh itu, pengampunan Rasulullah diharapkan
Bertenanglah, yang memberi petunjuk

Al-Quran dalamnya penuh nasihat serta perincian
Jangan menghukumku daripada kata-kata pengadu, dan
tidaklah

Aku bersalah walaupun banyak orang bercakap
tentang diriku

Di akhir qasidahnyanya, dia memuji Nabi ﷺ dengan bait:

إن الرسول لنور يستضاء به

مهند من سيوف الله مسلول

Sesungguhnya Rasulullah adalah cahaya yang dijadikan
petunjuk,

Seumpama pedang Allah yang tajam terhunus.

Nabi ﷺ telah mentaqrir serta memuji Ka'ab bin Zahir
dan Baginda tidak melarang dirinya dipuji sekalipun
dipersembahkan di dalam masjid.

Diriwayatkan oleh Khuraim bin Aus bin Harasah
bin Lam berkata: Kami bersama Nabi ﷺ lalu berkata al-
Abbas bin Abdul Muttalib r.a: Wahai Rasulullah, aku ingin
memujimu. Rasulullah bersabda kepadanya: Datangkan,
Allah tidak akan memecahkan mulutmu, maka al-Abbas
mengarang kata-kata syair antaranya:

وأنت لما ولدت أشرقت الـ أرض وضاءت بنورك الأفق
فنحن في الضياء وفي النور سبيل الرشاد نخترق

Engkau, tatkala dilahirkan menyinari
bumi dengan cahayamu menerangi setiap ufuk
Maka kami berada dalam cahaya itu dan dalam
cahaya jalan petunjuk yang membakar kami

Di sini didapati taqrir Nabi ﷺ terhadap bapa
saudaranya untuk memujinya dan perkara ini tidak ditegah.
Maka inilah dalil pensyariatan memuji Nabi ﷺ.

Adapun sabda Nabi

لا تطروني كما أطرت النصارى ابن مريم فإنما أنا عبده فقولوا
عبد الله ورسوله

Yang bermaksud, Janganlah kamu memuji aku seperti
mana orang Nasrani memuji Ibn Maryam sesungguhnya
aku hamba Allah maka katakanlah hamba Allah atau
utusan-Nya.

Perkataan (الإطراء) merupakan pujian yang batil.
Pujian yang dilarang oleh Baginda ﷺ ialah pujian yang
melampau, seperti memujinya dengan sifat yang khusus
pada Allah sehingga meletakkanya pada maqam *Iluhiyyah*
atau menyifatkannya dengan sebahagian sifat Allah seperti
kata-kata seorang wanita yang memujinya,

وفينا نبي يعلم ما في غد. فقال النبي صلى الله عليه وسلم:
تقولى هكذا، وقولي ما كنت تقولين.

Yang bermaksud, *Dalam kalangan kita, ada nabi yang mengetahui perkara hari esok. Lalu Nabi ﷺ bersabda: Janganlah kamu berkata sebegitu, kembali apa yang ingin kamu hendak perkatakan.*

Iniilah bentuk larangan daripada Nabi ﷺ mengenainya. Baginda tidak sesekali mengetahui perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah. Oleh itu Allah memerintah Rasul-Nya mengatakan,

وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبَ لَأَسْتَكْثَرْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ

Yang bermaksud, *Dan kalau aku mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan.*

Baginda ﷺ tidak mengetahui kecuali apa yang diberitahu oleh Allah SWT.

Pendirian al-Quran Terhadap Syair

Di dalam al-Quran, Allah SWT menerangkan 2 pendirian-Nya terhadap para penyair. **Pertama**, Allah berfirman di dalam surah al Shu'ara' ayat 224-226,

وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ ﴿٢٢٤﴾ أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ
يَهِيمُونَ ﴿٢٢٥﴾ وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ ﴿٢٢٦﴾

Yang bermaksud, *Dan ahli-ahli syair itu, diturut oleh golongan yang sesat - tidak berketentuan hala. Tidakkah engkau melihat bahawa mereka merayau-rayau dengan tidak berketentuan hala dalam tiap-tiap lembah (khayal dan angan-angan kosong)? Dan bahawa mereka memperkatakan apa yang mereka tidak melakukannya?*

Kedua, Allah menerangkan pula tentang golongan penyair yang lain, mengangkat martabat mereka dan memuji mereka dengan firman-Nya di dalam surah al Shu'ara' ayat 227,

إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا اللَّهَ كَثِيرًا
وَانْتَصَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا ۗ وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيَّ
مُنْقَلَبٍ يَنْقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

Yang bermaksud, *Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh (dari kalangan penyair-penyair itu), dan mereka pula mengingati Allah banyak-banyak, serta mereka membela diri sesudah mereka dianiaya. Dan (ingatlah), orang-orang yang melakukan sebarang kezaliman, akan mengetahui kelak, ke tempat mana, mereka akan kembali.*

Muhammad bin Ishaq meriwayatkan daripada Yazid bin Abdullah bin Qusait, daripada Abu al-Hasan Salim, bekas hamba al-Barrad, daripada Ubaidullah, bekas hamba Tamim ad-Dari, bahawa beliau berkata: Ketika turun ayat ini (al Shu'ara':224-226) yang mencela para penyair, Hassan bin Thabit, Abdullah bin Rawahah dan Ka'ab bin Malik datang menemui Rasulullah ﷺ dalam keadaan menangis. Mereka berkata: Wahai Rasulullah, Allah telah menurunkan ayat ini sedangkan kami juga penyair. Nabi ﷺ membacakan firman Allah:

إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ...

Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh (dari kalangan penyair-penyair itu)...

Baginda bersabda: Kamu termasuk dalam golongan itu. Kemudian Baginda bacakan lagi:

وَذَكِّرُوا اللَّهَ كَثِيرًا

dan mereka pula mengingati Allah banyak-banyak,

Baginda bersabda: Kamu juga termasuk dalam golongan itu.

Kemudian Baginda membacakan:

وَأَنْتَصِرُوا مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمْتُمْ

serta mereka membela diri sesudah mereka dianiaya.

Baginda bersabda: Kamu juga termasuk dalam golongan itu.

Kesimpulannya, **al-Quran** telah mengecualikan golongan penyair yang beriman daripada kecaman yang ditujukan kepada penyair-penyair sesat. Hal ini menunjukkan bahawa **pendirian Islam terhadap syair ialah menerima syair yang bermanfaat**, dan bahawa Islam **tidak memerangi syair itu sendiri**, tetapi hanya **memerangi unsur-unsur yang rosak dalam syair**.

Perkara ini menjadi jelas setelah memahami makna ayat-ayat di atas dan mengetahui perbezaan antara dua golongan penyair:

Golongan pertama ialah penyair yang sesat. Mereka hanyut mengikuti hawa nafsu dan cita-cita yang menyeleweng, tunduk kepada dorongan yang buruk, serta tidak dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan.

Mereka menggunakan syair untuk mencemarkan maruah orang lain, mempermainkan kehormatan wanita, melemparkan tuduhan terhadap wanita-wanita yang suci, memuji orang yang tidak layak dipuji, mencela orang yang tidak layak dicela, dan di samping itu mereka mengatakan perkara yang tidak mereka lakukan. Mereka menyeru kepada sifat pemurah sedangkan mereka sendiri tidak melaksanakannya, dan mencela sifat bakhil sedangkan mereka sendiri bersifat demikian.

Golongan kedua ialah penyair yang beriman kepada Allah SWT, membenarkan kerasulan-Nya, mempertahankan Nabi-Nya, membela diri setelah dizalimi, beramal soleh, banyak mengingati Allah, serta sentiasa kembali kepada-Nya dengan taat. Mereka ialah orang-orang yang dikecualikan oleh Allah daripada kecaman umum yang disebut pada awal ayat.

Antara Penyair Nabi ﷺ

1. Hassan bin Thabit ra.
2. Abdullah bin Rawahah ra.
3. Ka'ab bin Malik ra.
4. 'Aamir bin al-Akwa' ra.
5. Khubaib bin 'Adi ra.
6. Al-Abbas bin Mardas al-Salami ra.
7. Lubaid bin Rabbiah al-'Aamiri ra.

8. Al-Nabighah al-Ja'di ra.
9. Ali bin Abi Talib ra.
10. Abdullah bin al-Zab'ari ra.
11. Ka'ab bin Zuhairi ra.
12. Salmah bin al-Akwa' ra.
13. Humaid bin Thaur al-Hilali ra.
14. Darar bin al-Azwar al-Asadi ra.
15. Malik bin Namt al-Hamdani ra.
16. Sawad bin Qarib al-Dausi ra.
17. Khafaf bin Nadbah al-Sulami ra.
18. Al-Tufail bin Amru al-Dausi ra.
19. Adi bin Hatim al-Ta'ie ra.
20. Farwah bin Masik al-Muradi ra.
21. Abdullah bin Anis al-Jahni ra.

ⁱ Imam al-Bukhari no. hadith: 3213, Kitab Bada' al-Khalq, Bab Zikr al-Malaikah, 4123, 4124 & 6153.

ⁱⁱ Al-Taubat, 024

ⁱⁱⁱ Al-Qalam, 004

^{iv} Al-A'raf 188

